

Cabaran besar kerajaan PH

SHAH ALAM - Bajet 2020 yang dijadual dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada 11 Oktober ini akan menjadi tugas paling mencabar bagi kerajaan.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, beberapa faktor penting harus diberikan tumpuan dalam bajet itu demi kemakmuran rakyat.

Menurutnya, antara isu utama yang dibangkitkan oleh rakyat ialah kos sara hidup yang meningkat dan gaji tidak naik serta kesukaran mereka untuk mendapatkan rumah mampu milik.

"Jadi, apabila maksudkan kemakmuran, bagaimanakah Bajet 2020 mampu untuk mendapatkan kemakmuran kepada rakyat dari segi memiliki rumah, mendapat pekerjaan, memberikan gaji tinggi dan mampu menangani kos sara hidup yang semakin tinggi.

"Inilah yang perlu diterangkan dan diberikan

tumpuan dalam Bajet 2020," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Mengulas mengenai cabaran yang bakal dihadapi oleh kerajaan, beliau berkata, kerajaan sememangnya mahu membuat sesuatu yang memberikan kemakmuran kepada rakyat namun cabaran yang dihadapi amat besar.

"Kita lihat cabaran itu bukan sahaja cabaran di dalam tetapi juga cabaran di luar. Cabaran di dalam dari segi kos tanggung hutang kerajaan Persekutuan yang tinggi.

"Banyak hutang dan masalah sebelum ini yang perlu diselesaikan. Isu kos sara hidup yang tinggi terutama di bandar dan ditambah dengan cabaran luar iaitu faktor pertumbuhan ekonomi global yang agak perlahan," ujarnya.

Katanya, suasana ekonomi global pada tahun hadapan juga dijangka lebih mencabar berikutan

kesan perang perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China terhadap perdagangan antarabangsa.

"Harga komoditi tidak menentu. Ini semua menyebabkan cabaran untuk memberi kemakmuran rakyat melalui Bajet 2020 amat tinggi cabarannya.

"Soal defisit juga perlu diambil perhatian untuk memastikan defisit itu tidak melebar ke arah belanjawan yang seimbang tetapi pada masa sama tidak boleh lupa tumpuan untuk kemakmuran rakyat," katanya.



AHMED RAZMAN